

TINJAUAN KEBERKESANAN DAN PENERIMAAN PELAJAR - PELAJAR
TAHUN AKHIR MENGENAI PERKHIDMATAN DAN KAUNSELING KERJAYA
DI JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK DALAM PEMILIHAN KERJA

NORSHAHANIS BINTI ABD. KARIM

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

07/01/2013



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: TINJAUAN KEBERKESANAN DAN PENERIMAAN PELAJAR-
PELAJAR TAHUN AKHIR MENGENAI PERKHIDMATAN DAN
KAUNSELING KERJAYA DI JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK DALAM PEMILIHAN KERJA

SESI PENGAJIAN :2001 / 2002

Saya NORSHAHANIS BTE ABD. KARIM

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap;
Bt 23 Kg. Gedang,
Air Pa'Abas 78000,
Alor Gajah, Melaka

ENCIK ATAN HJ HUSSIEN

Tarikh : 26 SEPTEMBER 2002

Tarikh : 26.09.02

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/oragnisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

TINJAUAN KEBERKESANAN DAN PENERIMAAN PELAJAR-PELAJAR
TAHUN AKHIR MENGENAI PERKHIDMATAN DAN KAUNSELING KERJAYA
DI JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK DALAM PEMILIHAN KERJA

NORSHAHANIS BINTI ABD.KARIM


GT 010078

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER, 2002

“Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 

Nama Penulis : NORSHAHANIS BTE ABD. KARIM

Tarikh : 26 SEPTEMBER 2002

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan terhutang budi kepada En. Atan Bin Hj. Hussien selaku penyelia utama yang telah memberi nasihat, bimbingan dan panduan kritikan konstruktif dan bukan sahaja menegur dan membimbing dalam usaha menyempurnakan projek sarjana ini, malahan telah mendedahkan pengalaman pembelajaran kepada diri saya yang sukar dinilai dan tidak mungkin mudah dilupai semasa mengikuti program Sarjana Pendidikan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. dan kepada Pn. Anika Zafiah Binti Mohd Rus diatas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Penghargaan ikhlas saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut memberikan banyak panduan dan sokongan moral semasa sesi pembelajaran dan penyediaan projek ini. seta penghargaan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak untuk membantu menjayakan projek sarjana ini

Akhirnya, penghargaan dan terhutang budi pada kedua ibubapa (Joharabi Binti Samattullah dan Abd. Karim Bin Jidin), dan abang-abang tersayang yang banyak memberi galakkan, inspirasi dan sokongan padu yang mana secara langsung telah memberi dorongan kearah memperlengkapkan kerja-kerja kursus dan penyediaan laporan projek sarjana ini.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau keberkesanan dan penerimaan pelajar mengenai perkhidmatan dan kaunseling kerjaya di Politeknik Malaysia dalam pemilihan kerjaya. Malah ia bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar memilih kerja sebelum menamatkan pengajian. Keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya ini ditinjau dengan mengenalpasti pandangan dan maklumat –maklumat yang diberikan oleh responden mengenai perkhidmatan kaunseling kerjaya yang dijalankan di Politeknik. Tiga buah Politeknik yang terlibat ialah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Politeknik Seberang Perai (PSP), Pulau Pinang dan Politeknik Johor Bharu (PJB), Johor Bharu. Seramai 100 orang responden tahun akhir dari ketiga-tiga politeknik terlibat dalam kajian ini.

Data yang diperolehi telah dikumpulkan, diringkaskan dan dianalisis menggunakan ujian statistik dalam perisian SPSS versi 10.0. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan pengiraan kekerapan dan purata untuk menganalisis tahap pengetahuan dan maklumat responden. Hasil kajian yang dibuat, pelajar-pelajar yang terlibat tidak menganggap perkhidmatan kaunseling kerjaya membantu mereka untuk pemilihan kerja dan menyelesaikan masalah pelajar dalam pemilihan kerja. Secara umum didapati perkhidmatan kaunseling kerjaya yang ada di Politeknik tidak begitu berkesan untuk menangani segala masalah pelajar tahun akhir terutamanya dalam pemilihan kerja. Kajian ini mencadangkan supaya pihak-pihak kaunseling kerjaya di Politeknik mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kaunseling kerjaya yang dijalankan untuk memenuhi kehendak pelajar dan boleh dimanfaatkan untuk menempuh alam pekerjaan yang baru selepas tamat pengajian di Politeknik.

ABSTRACT

The purpose of this research is to ensure the effectiveness and acceptance student of career counseling in Malaysian Polytechnic choose suitable careers. Furthermore, purpose to guiding students chooses suitable careers before they graduate. The effectiveness of career counseling in helping the students were studied based on the opinion and information by the student on career counseling in Polytechnic. 3 Polytechnic were involved in this study namely Polytechnic Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Polytechnic Seberang Perai (PSP), Pulau Pinang and Polytechnic Johor Bharu (PJB), Johor Bharu. One hundred (100) respondents final year students was involves from both Polytechnic. From the data had collected, summary and analysis by using statistic method specifically SPSS 10.0 versions. The students did frequency and percent calculation to determine level priority in analyzed the opinion and information's. The analysis showed that career counseling was not an important need student making decision choose career and suitable career. Conclusion, the career counseling in Polytechnic was not effective to problem student's final year to chose the work. The research propose, the all teem career caunceling in Polytechnic raise quality career counseling so that they can plan which a able to cater for student need the new career after the graduate in Polytechnic.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAHAGIAN SATU

PENDAHULUAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	6
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Matlamat Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8

1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Definisi Kajian	10
1.8.1	Kaunseling	10
1.8.2	Kaunseling Kerjaya	10
1.8.3	Unit Perkhidmatan Pelajar	11

BAHAGIAN DUA SOROTAN KAJIAN

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Teori-teori Yang Mempengaruhi Kerjaya	13
2.3	Keperluan Kaunseling Di Peringkat Pendidikan Tinggi	19
2.4	Keperluan Pendedahan Kaunseling Kepada Pelajar Politeknik	20
2.5	Keperluan Khidmat Bimbingan Dan Kaunseling	22
2.6	Kerjaya Dari perspektif pelajar	23
2.6.1	Minat Terhadap Kerjaya	24
2.6.2	Matlamat Tentang Kerjaya	32
2.6.3	Kemahiran Sendiri	33
2.6.4	Prestasi Akademik	33

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	35

4.4.4 Prestasi Akademik	58
-------------------------	----

**BAHAGIAN LIMA
KESIMPULAN DAN CADANGAN**

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	59
5.2	Kesimpulan	59
5.3	Perbincangan	64
5.4	Cadangan	69

**BAHAGIAN ENAM
BIBLIOGRAFI**

BIBLIOGRAFI

Bibliografi	71
-------------	----

**BAHAGIAN TUJUH
LAMPIRAN**

LAMPIRAN

Lampiran A – B	75
----------------	----

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Terhadap Pembolehubah Bersandar	39
4.1	Ukurun Tahap Kecenderungan Skor Min	46
4.2	Latar Belakang Responden Mengikut Jantina	47
4.3	Latar Belakang Responden Mengikut Umur	48
4.4	Latar Belakang Responden Mengikut Bangsa	49
4.5	Latar Belakang Responden Mengikut Tempat Tinggal	50
4.6	Latar Belakang Responden Mengikut Kursus	51

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Skor Min Tanggapan Responden Mengenai Matlamat Kerjaya	52
4.2	Skor Min Tanggapan Responden Mengenai Peranan Kaunselor	53
4.3	Skor Min Tanggapan Responden Mengenai Sesi Kaunseling	54
4.4	Skor Min Bagi Maklumat Responden Mengenai Kemahiran Kendiri	55
4.5	Skor Min Bagi Maklumat Responden Mengenai Minat Terhadap Kerjaya	56
4.6	Skor Min Bagi Maklumat Responden Mengenai Keperluan Masyarakat	57
4.7	Skor Min Bagi Maklumat Responden Mengenai Prestasi Akademik	58

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	75
B	Laporan Kajian Rintis	80

**BAB SATU
PENDAHULUAN**

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kaunseling berasal daripada perkataan bahasa Inggeris '*counselling*' yang boleh difahami bagi semua pihak, tetapi mereka mungkin memahami dalam pengertian yang berbeza-beza. Dalam pengertian yang luas, aktiviti kaunseling ini melibatkan semua secara langsung atau tidak, terutamanya ibu bapa guru, pemimpin agama, peguam, doktor, jururawat dan semua yang terlibat untuk proses mendidik dan kebajikan masyarakat.

Kaunseling merupakan satu bidang yang telah lama wujud dalam segenap aspek kehidupan manusia dan ia diamalkan dalam pelbagai pendekatan sama ada secara formal ataupun tidak. Kebanyakannya bidang kaunseling telah diberi penekanan yang ketara pengamalannya di organisasi seperti jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan sebagainya.

Menurut Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan awam (1999) menyatakan bahawa " Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan manusia. Perkhidmatan kaunseling yang berkesan

boleh membantu pekerja menyelesaikan masalah peribadi, masalah berkaitan dengan kerjaya dan masalah keluarga.” (New Strait Time, 20 Jun 1999)

Dalam sesebuah organisasi, kaunseling merupakan satu perkara yang berkait rapat dengan pengurusan manusia terutama pembangunan kerjaya pekerja yang merupakan cabang pengurusan organisasi. Selain daripada organisasi, Institusi pendidikan juga mengambil berat tentang perkhidmatan kaunseling. Pelaksanaan kaunseling dijalankan setiap peringkat dalam pendidikan tidak kira di peringkat rendah, menengah ataupun peringkat tinggi. Perkhidmatan kaunseling perlu diadakan di setiap peringkat pendidikan kerana keperluan dan kehendak pelajar adalah berbeza di peringkat pendidikan (Zunker 1994). Perkhidmatan kaunseling memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan terutamanya dalam perkembangan dan kemajuan pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Unit kaunseling dan kerjaya di IPT bertanggungjawab merekabentuk program dan aktiviti untuk membimbing mahasiswa dengan memberi penerangan tentang kerjaya dari segi perspektif berdasarkan situasi ekonomi dan kehendak organisasi-organisasi yang memerlukan tenaga pekerja yang terlatih dan berkecekapan. Pelaksanaan kaunseling di unit kaunseling dan kerjaya di IPT juga bergantung kepada penglibatan mahasiswa. Mereka harus sedar akan kewujudan perkhidmatan ini untuk mendapat bimbingan dan bantuan khususnya dalam pemilihan kerjaya. Oleh yang demikian pelajar seharusnya peka dan sensitif dengan unit perkhidmatan pelajar dalam aspek pelaksanaan kaunseling kerjaya yang menjerumus kepada membantu pelajar memiliki kerja.

Sebenarnya keperluan kepada perkhidmatan kaunseling di bidang pendidikan semakin meningkat dari masa ke masa. Keperluan ini berkemungkinan akibat daripada kepesatan pembangunan negara terutamanya perkembangan di bidang industri dan kesan daripada urbanisasi yang lebih kompleks. Perubahan ini secara langsung telah memberi tekanan dan pengaruh persekitaran yang menjadi salah satu faktor kepada perubahan fisiologi dan psikologi pelajar. Maka wajarlah bagi pendidik di beri pendedahan tentang kaunseling agar dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam semua aspek pembelajaran.

Menurut Ibrahim (1998) menyatakan istilah kaunseling bukanlah perkara baru tetapi telah digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang perkhidmatan kemanusiaan. Kaunseling merangkumi semua aktiviti dan kaedah menolong dan menasihati individu yang menghadapi masalah. Sebagai contoh, pada masa lampau Nabi Muhamad s.a.w pernah meminta nasihat daripada seorang hamba bernama Waraqah sejourus berlakunya peristiwa penerimaan wahyu (mesej) yang pertama, kerana ketika itu baginda berasa cemas dengan peristiwa itu. Jadi, sebagai seorang manusia tidak kira siapa memang ada masa dan ketikanya memerlukan pertolongan, kaunseling, perbincangan dan bimbingan daripada orang lain yang berkebolehan bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan hidupnya.

Dalam konteks kehidupan masa kini, aktiviti dan penglibatan kaunseling bukan sahaja terdiri daripada golongan profesional tetapi juga golongan yang bukan profesional. Penglibatan ini memang penting bagi membolehkan individu berkomunikasi dengan baik sesama manusia dan seterusnya dapat hidup dalam keadaan yang mengembirakan.

Oleh sebab kaunseling mempunyai pengertian, prinsip dan tujuan yang luas maka terdapat berbagai-bagai definisi yang diberikan oleh pakar-pakar dalam perkhidmatan kaunseling, diantaranya ialah :

Wrenn (1951, hal.60) mengatakan bahawa kaunseling ialah sesuatu hubungan yang dinamik dan bertujuan di antara dua manusia.

Patterson (1967) dalam bukunya *The Counselor in the School*, menjelaskan bahawa kaunseling ialah suatu proses yang melibatkan perhubungan diantara seorang terapis dengan seorang klien atau lebih, yang mana terapis menggunakan kaedah-kaedah psikologi berdasarkan kepada pengetahuan yang sistematik mengenai personaliti dalam usaha memperbaiki kesihatan mental klien.

Blocher (1974) mengatakan kaunseling merupakan suatu proses menolong individu supaya lebih sedar tentang dirinya dan bagaimana dia bergerak balas kepada pengaruh alam sekelilingnya.

Perry (1955) menyimpulkan bahawa kaunseling ialah mengenai menolong individu bagaimana dia boleh menyesuaikan diri dengan alam sekelilingnya.

Carl Rogers dalam bukunya *Counseling and Psychotherapy*, menyebut kaunseling sebagai suatu proses pembetulan diri untuk berkembang secara biasa dengan pertolongan pakar dan dapat pula menerima pengalaman yang belum pernah dirasakan supaya ia dapat disesuaikan dengan diri seseorang itu.

Abdul Halim (1990) mengatakan kaunseling ialah sebagai suatu kegiatan bersifat psikologikal untuk membantu manusia lain membantu dirinya dengan cara yang sistematik dan bertanggung jawab.

Sementara itu mengikut Nur Aini (1989) konsep kaunseling dalam Islam membawa maksud petunjuk serta bimbingan dan menyeru manusia ke jalan Allah atau menyebarkan dakwah islamiah untuk mendapatkan keredaannya.

Setelah kita meneliti definisi-definisi yang telah diberikan oleh beberapa orang pakar dalam bidang kaunseling, maka dapatlah dirumuskan seperti berikut:

1. Hubungan profesional antara kounselor dan klien membantu klien memahami pandangan dan menjelaskan ruang hidupnya dan belajar mencapai matlamat dan mencuba beberapa pilihan melalui penyelesaian masalah emosi atau hubungan interpersonal.
2. Kaunseling ialah proses bertemu muka secara perseorangan di antara kounselor dan klien
3. Sebagai suatu proses kearah perkembangan dan pembinaan personaliti klien.
4. Sebagai satu perkhidmatan untuk kebajikan manusia samada dilakukan secara profesional atau tidak.
5. Mengembalikan hati manusia kepada sifat asalnya (fitrah), iaitu tunduk kepada Allah.
6. Suatu proses bantuan yang dijalankan oleh kounselor bagi mengubah tingkah laku klien kepada yang lebih diterima.
7. Kaunseling menghormati setiap individu itu unik
8. Kounselor bukanlah setakat untuk memberi nasihat dan menyelesaikan masalah semata-mata
9. Bukan proses menemuduga.
10. Bukannya proses memilih kerjaya untuk klien.

11. Bukannya proses mempengaruhi tingkah laku dengan cara memarahi, mengugut dan mendesak klien.
12. Merupakan perkhidmatan profesional yang berdasarkan kefahaman mendalam mengenai manusia.
13. Kaunseling ialah strategi menghalang bukan memulihkan.
14. Kaunseling akan lebih berkesan jika datang dengan sukarela.
15. Kaunseling menitikberatkan faktor kerahsiaan.
16. Dalam proses kaunseling, membina hubungan yang baik di antara kaunselor dan klien adalah penting berdasarkan kepercayaan.
17. Kaunseling bukan sahaja untuk orang yang mempunyai masalah

Ibrahim 1998, M.Sc. (Guide And Caunseling)

Menurut Dr. Suradi Salim (1996) menyatakan pada kajian-kajian yang lepas bahawa masalah yang dihadapi pelajar boleh dikategorikan kepada tiga bidang utama iaitu

- i. bidang pelajaran
- ii. bidang kerjaya
- iii. bidang sosial

Ramai pendidik yang berpendapat bahawa di dalam tiga bidang ini biasanya pelajar menghadapi masalah dan kemuskilan. Oleh itu bimbingan dan nasihat amat perlu terutama di peringkat remaja dan perkhidmatan ini merupakan satu perkhidmatan yang tidak boleh diabaikan.

Daripada apa yang kita ketahui bahawa keperluan terhadap perkhidmatan kaunseling, ramai pegawai-pegawai perkhidmatan telah dihantar untuk di beri latihan melalui kursus-kursus jangka panjang seperti kursus Diploma Psikologi (Kaunseling) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama setahun, kursus peringkat ijazah di Universiti Putra Malaysia (UPM) selama empat tahun dan kursus jangka pendek di Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) Kuala Lumpur. Ianya bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kaunseling ke arah yang lebih professional dan

untuk melatih pendidik ke arah yang lebih baik agar dapat menangani setiap masalah dengan bijak.

Peranan pensyarah kaunseling adalah amat berat kerana ia bertanggungjawab dalam usaha memperkembangkan segala potensi yang ada kepada seorang pelajar. Keadaan ini bertambah sulit jika seorang kaunselor terpaksa memikul berbagai-bagai lagi beban kerja sebagai sseorang pendidik.

Kaunseling juga merupakan proses penemuan interaksi bersemuka antara kaunselor dengan klien yang mengakibatkan berlakunya perubahan pada klien. Apa yang penting semua masalah yang dihadapi seharusnya perlu mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya perkhidmatan kaunseling ini dapat dijalankan dengan sempurna. Jika kita ingin melihat perkhidmatan kaunseling ini berjaya dan memberi faedah, seluruh pentadbiran perlu diperkemas. Jika tidak, perkhidmatan tersebut akan menjadi perhiasan untuk menunjukkan yang kita turut sama mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar

Oleh itu pendedahan kepada masyarakat umum tentang perkhidmatan ini adalah penting. Tanggungjawab pendidik seharusnya pula menunjukkan peranan mereka dengan cara yang jelas dan terancang.

1.2 Latar Belakang Masalah

Institusi Pengajian Tinggi merupakan satu institusi yang menjadi penghubung antara pelajar-pelajar dengan alam pekerjaan yang mana setiap institusi membawa persediaan yang komprehensif kepada pelajar dari segi kemahiran yang spesifik dan pengetahuan yang luas secara professional berdasarkan kursus yang diikuti oleh pelajar. Pelajar seharusnya didedahkan kepada alam pekerjaan yang bakal ditempuhi supaya mereka mempunyai pengetahuan kerjaya yang luas dan mampu untuk membuat persediaan

Di institusi, terutamanya Politeknik mengadakan program-program kerjaya supaya dapat memperkukuhkan lagi pilihan kerjaya mahasiswa untuk memperkembangkan kemahiran-kemahiran kerjaya pelajar, menilai semula minat kerja mereka dan membantu mereka membuat persediaan untuk melangkah alam pekerjaan. Sememangnya pelajar di IPT memerlukan bimbingan dan panduan di segala aspek dalam bentuk kaunseling yang melibatkan juga program-program atau aktiviti-aktiviti yang berunsurkan panduan kerjaya.

1.3 Penyataan Masalah

Menurut Nik Aziz (1982), menyatakan pelajar IPT seringkali menghadapi masalah membuat keputusan dalam memilih kerja yang sesuai. Oleh itu para pelajar memerlukan bimbingan dan panduan memilih kerjaya dari pihak-pihak yang tertentu terutama unit bimbingan kaunseling dan kerjaya. Tanpa bimbingan dan panduan, pelajar mungkin akan menghadapi kebuntuan dalam pekerjaan mereka kerana pemikiran mereka semasa merancang kerjaya tidak tercapai dalam pekerjaan yang diceburi. Ini disebabkan kekurangan maklumat tentang keperluan lain yang tidak dipenuhi semasa membuat pemilihan pekerjaan.

Ketidakstabilan ekonomi dan perubahan dalam bidang pekerjaan juga memberi cabaran kepada pelajar untuk merancang kerjaya mereka. Situasi begini menjadi kesan kepada pelajar khususnya yang akan menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi..

Pelajar seharusnya perlu mengambil kira faktor-faktor yang boleh membantu mereka memilih pekerjaan yang sesuai serta mendapatkan bimbingan dari pihak yang tertentu supaya membolehkan mereka membentuk mereka menjadi masyarakat yang harmoni, maju, bersatu padu dan berjaya di dalam aspek kerjaya (Subarna 1990). Apa yang kita ketahui ialah kebanyakan pelajar masih kabur lagi dalam menyelesaikan masalah mencari pekerjaan. Oleh itu pengkaji ingin mengetahui

bahawa pelajar di IPT terutamanya di Politeknik Malaysia (dipilih secara rawak iaitu di Utara, Selatan dan di Tengah) memerlukan bimbingan dan bantuan kaunseling untuk membantu mereka semasa membuat pilihan pemilihan kerja.

1.4 Matlamat Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana tahap hubungan pemilihan kerjaya di kalangan para pelajar dengan keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya. Pengkaji berharap untuk mengetahui sama ada pelajar bersetuju atau tidak bahawa perkhidmatan kaunseling kerjaya ini yang dilaksanakan perlu bagi membantu mereka mencari dan memilih pekerjaan yang sesuai dengan mereka.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

- I. Apakah maklumat yang diambikira dalam pemilihan kerjaya pelajar
- II. Adakah perkhidmatan ini diperlukan dalam pemilihan kerjaya
- III. Bagaiman tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor dalam penentuan kerjaya.
- IV. Mengkaji keperluan perkhidmatan kaunseling daripada perspektif pengetahuan pelajar terhadap kerjaya.
- V. Sejauh manakah tanggapan pelajar mengenai perkhidmatan kaunseling kerjaya untuk membantu mendapatkan maklumat tentang pekerjaan yang sesuai.

1.6 Objektif Kajian

Objektif umum adalah untuk mengenalpasti sejauhmana keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya ini boleh membantu pelajar- pelajar untuk pemilihan kerjaya selepas tamat pengajian di Politeknik terutamanya.

Objektif khusus adalah

- I. Menenalpasti maklumat yang diambil kira dalam pemilihan.
- II. Menenalpasti sama ada perkhidmatan ini diperlukan dalam pemilihan kerjaya
- III. Menenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor dalam penentuan kerjaya.
- IV. Mengetahui sejauh mana perkhidmatan kaunseling kerjaya yang dijalankan oleh unit kaunseling di Politeknik diperlukan oleh pelajar dalam membantu menyelesaikan masalah.
- V. Mengetahui sejauh mana pengetahuan pelajar tentang perlaksanaan kaunseling kerjaya dalam membantu merancang dan memilih kerja yang sesuai.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap dengan kajian yang dijalankan ini, ia dapat memberi ruang yang lebih luas kepada kaunselor-kaunselor di Politeknik membantu dan membimbing pelajar untuk memilih kerjaya dan memudahkan lagi kaunselor untuk mengubahsuaikan reka bentuk program selaras dengan keperluan, objektif dan matlamat pelajar.